

# Peraturan khas ekonomi gig: PM

Kerajaan rangka inisiatif lindungi hak, elak pekerja kena tindas

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
[mohd\\_iskandar@bh.com.my](mailto:mohd_iskandar@bh.com.my)

**Kuala Lumpur:** Kerajaan sedang merangka undang-undang dan peraturan khas bagi melindungi hak serta kebajikan pekerja dalam sektor ekonomi gig.

Sehubungan itu, satu jawatankuasa dianggotai wakil Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Sumber Manusia serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) ditubuhkan bagi melaksanakan perkara itu.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata jawatankuasa terbabit akan menjalankan kajian terperinci berhubung takrifan perundangan

dalam ekonomi gig selaras perubahan kepada Industri 4.0.

Inisiatif dilaksanakan kerajaan bertujuan memanfaatkan ekonomi gig dan pada masa sama, menjamin kepentingan pengguna serta mengelak berlakunya penindasan majikan ke atas pekerja sektor berkenaan.

"Ekonomi gig adalah sistem pasaran terbuka yang pekerja bebas mengikat kontrak untuk melaksanakan sesuatu projek dalam jangka masa tertentu dan kebiasaannya dilaksanakan secara bebas.

"Sebagai trend yang baharu di mana pekerjaan kini lebih fleksibel, kerajaan menghadapi cabaran dalam menjaga kebajikan pekerja berikutan hubungan pekerja dan majikan yang kurang jelas.

"Inilah cara baharu mereka bekerja dan kita dapat ramai yang mendapat manfaat daripada ekonomi gig.

"Oleh sebab itu kerajaan perlukekalkan sistem ini, tetapi kita mahu supaya diadakan peraturan yang melindungi hak pekerja," katanya pada Sesi Pertanyaan Menteri, di Dewan Rakyat, semalam.

Dr Mahathir menjawab soalan Ahmad Fahmi Mohamed Fadzil (PH-Lembah Pantai) sama ada kerajaan akan mengawal selia ekonomi gig demi membela nasib dan kebajikan pekerja.

Perdana Menteri menjelaskan ekonomi gig antara sektor yang diberi tumpuan sebagai sumber ekonomi baharu, mapan dan inklusif dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

Menjawab soalan tambahan Datuk Ahmad Maslan (BN-Pontian) sama ada kerajaan akan menetapkan garis panduan untuk pekerja ekonomi gig, Dr Mahathir berkata, sektor itu bukan sesuatu yang boleh dihetikan.

"Kita tidak dapat menghentikan sistem ini kerana ramai daripada rakyat mendapat sistem ini memberi peluang kepada mereka menambah pendapatan dan boleh memampung keperluan hidup mereka.

"Mereka bekerja sendirian tetapi bekerja sendirian ini tidak termasuk dalam golongan pekerja biasa yang menikmati beberapa perlindungan disediakan kerajaan," katanya.